

Beri penekanan etika, moral -PM

(P) 30 APR 1993

PETALING JAYA 29 April - Perdana Menteri, Dato' Sri Dr.

Mahathir Mohamad mahu pelajaran etika dan moral diberi penekanan dalam semua kurikulum institusi pendidikan di negara ini bagi membendung kelahiran penjenayah dari golongan terpelajar.

Beliau berkata, peningkatan kadar jenayah kolar putih di negara ini membangkitkan lagi keperluan pendidikan etika yang baik diajar kepada penuntut di semua peringkat.

Jenayah

"Kita tidak mahu melahirkan masyarakat terpelajar yang sanggup menggunakan ilmu untuk melakukan jenayah kerana tidak ada orang yang lebih buruk dan berbahaya selain daripada golongan ini," katanya ketika berucap merasmikan Kolej Sunway dan Taman Air Lagoon Sunway di sini hari ini.

Dr. Mahathir berpendapat, penekanan terhadap etika dan moral di kalangan para pelajar tidak

seharusnya dibebankan bulat-bulat kepada ibu bapa kerana kebanyakan mereka tidak begitu arif dengan apa yang baik dan tidak buat masyarakat.

"Sebab itulah budaya cepat kaya sudah merebak dan sedikit sebanyak telah merosakkan masyarakat negara ini," katanya.

Budaya ini, menurut Perdana Menteri, perlu dibendung semasa para penuntut berada di alam pendidikan dan digantikan dengan budaya berkepentingan jangka panjang yang mengambilkira soal masyarakat lebih daripada kepentingan individu.

Dalam soal ini, beliau menegaskan, hanya dengan memiliki budaya yang baik, barulah sesuatu ilmu pengetahuan itu boleh membawa kejayaan kepada individu serta masyarakat.

"Walau bagaimana maju sekalipun sesebuah masyarakat, jika ia tidak memiliki moral dan etika yang mulia, kemajuan yang dinikmati tidak akan bertahan lama sebaliknya akan hancur," kata Perdana Menteri.

Dalam konteks Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, Dr. Mahathir menegaskan, tidak ada gunanya Malaysia mempunyai per kapita yang tinggi jika tahap ilmu pengetahuan dan penguasaan teknologi berada di tahap yang rendah.

Perdana Menteri berkata, sekalipun rakyat negara ini mempunyai per kapita yang tinggi serta ilmu pengetahuan yang cemerlang, ia tetap tidak membawa sebarang nilai andainya soal etika dan moral yang mulia tidak dihargai oleh masyarakat.

Keperluan

"Sebab itulah awal-awal lagi soal etika dan moral perlu diberi tekanan dan dipupuk daripada bangku sekolah lagi, lebih tinggi tahap pengetahuan yang dikejar maka lebih berat tekanan perlu diberi kepada etika dan moral," katanya.

Mengenai kolej dan kampus baru Sunway, Dr. Mahathir berharap perjalanannya akan sentiasa berpandu kepada keper-

luan dan dasar-dasar negara.

Menurutnya, walaupun Malaysia sudah menjadi contoh pembangunan negara majmuk yang berjaya mengatasi masalah-masalah masyarakat, ia tidak boleh leka dengan pencapaian itu.

Jika kita ingin mengekalkan keamanan kata-katanya, semua pihak perlu berwaspada terhadap kemungkinan gejala perkauman melanda negara ini.

"Malaysia sentiasa berusaha mengurangkan jarak pembangunan antara kaum supaya sekurang-kurangnya faktor ekonomi tidak meluaskan lagi jurang perpisahan antara mereka," kata Perdana Menteri yang berpendapat pelajaran menjadi alat untuk mengatasi masalah perbezaan itu.

Kerajaan menurutnya, mahu membina institusi-institusi pendidikan tinggi yang mencukupi untuk semua kaum di Malaysia dan untuk mencapai imbang itu, ia akan cuba memperbanyakkan kemasukan penuntut daripada kaum yang tertinggal agar jurang perbezaan bilangan antara kaum tidak terlalu luas.